

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 15.6.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membina sebuah 'full fledge university' di Labuan yang bertaraf antarabangsa. Wilayah Persekutuan Labuan sepatutnya dilihat sebagai pusat pembangunan dan pusat ilmu oleh rakyat Malaysia di rantau ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Universiti Awam (UA) dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja. Buat masa ini, telah ada Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan yang mampu memenuhi keperluan pendidikan di Labuan. Fokus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini lebih terarah untuk memperkasakan UA sedia ada.